

D865

U B044 DEB
NEGARA - MAPEN

KUALA LUMPUR, 27 DIS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA PENARIKAN DIRI BEBERAPA ANGGOTA MAJLIS PERUNDINGAN EKONOMI NEGARA (MAPEN) DARIPADA MAJLIS ITU AKAN MENYEBABKAN LAPORAN DAN PANDANGAN MAJLIS ITU TIDAK DAPAT DICAPAI SECARA KONSSENSUS.

+DENGAN PENUBUHAN MAPEN KITA BERHARAP SEMUA ANGGOTA AKAN DAPAT BERUNDING DAN MENCAPAI KONSSENSUS, TETAPI KERANA PENARIKAN DIRI ITU, MAPEN SEBAGAI BADAN KONSSENSUS TIDAK BERJAYA WALAUPUN IA BERJAYA MEMBENTUK DASAR EKONOMI SELEPAS 1990 NANTI+, KATANYA SEMASA MENJAWAB PERTANYAAN TAMBAHAN SENATOR DAHALAN HAJI EMBUN DI DEWAN NEGARA.

SEMASA MENJAWAB SOALAN TAMBAHAN SENATOR AZMAN ATAR OTHMAN PULA, PERDANA MENTERI BERKATA PENARIKAN DIRI BEBERAPA ANGGOTA MAPEN DARIPADA MAJLIS ITU SECARA JELAS MENUNJUKKAN MEREKA LEBIH MENGUTAMAKAN PENGARUH POLITIK MASING-MASING BAGI Mencari sokongan dalam pilihan raya umum akan datang.

BELIAU BERKATA RAKYAT UMUMNYA SUDAH MENGETAHUI PENARIKAN DIRI BEBERAPA PIHAK INI SECARA JELAS MENUNJUKKAN MEREKA TIDAK MENGUTAMAKAN PERPADUAN DAN PEMBANGUNAN EKONOMI NEGARA.

PERDANA MENTERI BERKATA DEMIKIAN KETIKA MENJAWAB PERTANYAAN SENATOR AZMAN ATAR YANG BERTANYA SAMA ADA TINDAKAN ANGGOTA-ANGGOTA MAPEN ITU BERTUJUAN SUPAYA MEREKA TIDAK TERLIBAT DALAM PENGGUBALAN DASAR EKONOMI SELEPAS 1990 DAN BAGI MENJADIKANNYA SEBAGAI ISU POLITIK BAGI PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG. -- LAGI.

1755MST 27 12 89

U B045 DEB
NEGARA - MAPEN 2 KUALA LUMPUR

SEMASA MENJAWAB PERTANYAAN TAMBAHAN SENATOR SIVALINGAM ARUMUGAM KARUPPIAH, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA TIADA PERUNTUKAN UNTUK MENGASINGKAN KAUM INDIA DENGAN KAUM BUKAN BUMIPUTERA YANG LAIN DALAM DASAR EKONOMI.

KATANYA, JIKA PENGASINGAN SEPERTI ITU DIBUAT, MAKA PENGASINGAN UNTUK KAUM-KAUM YANG LAIN AKAN TERPAKSA DILAKUKAN YANG AKAN MENYUKARKAN LAGI SOAL PENYUSUNAN MASYARAKAT.

SEMASA MENJAWAB SOALAN ASAL SENATOR V.K.SELLAPAN, PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN BELUM LAGI MEMUTUSKAN SAMA ADA LAPORAN AKHIR MAPEN AKAN DIBINCANGKAN PADA PARLIMEN ATAU AKAN DIEDARKAN KEPADA ORANG AWAM MELALUI SEBARAN AM.

+KERAJAAN DENGAN PENUH TANGGUNGJAWAB AKAN MENIMBANGKAN SEGALA PANDANGAN DAN CADANGAN YANG DIKEMUKAKAN OLEH MAPEN SEBELUM SESUATU DASAR BARU SELEPAS 1990 DIUMUMKAN+, KATANYA.

BELIAU BERKATA LAPORAN AKHIR AKAN DIKEMUKAKAN KEPADA KERAJAAN APABILA MAPEN BERPUAS HATI DENGAN LAPORAN TERSEBUT. -- LAGI.

1756MST 27 12 89

U B046 DEB
NEGARA - MAPEN 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA BERDASARKAN LAPORAN YANG DITERIMA, MAPEN TELAH MENCAPAI SATU TAHAP KEMAJUAN KERJA YANG MENGGALAKKAN. SEBANYAK 12 SIDANG PLENO TELAH DIADAKAN DAN SIDANG PLENO KE-13 AKAN DIADAKAN PADA 17, 18 DAN 19 JAN.

KATANYA, SETAKAT INI KESEMUA LIMA BUAH JAWATANKUASA - JAWATANKUASA PENGUTIPAN, METODOLOGI DAN ANALISIS DATA= JAWATANKUASA MENKKAJI PRESTASI PELAKSANAAN DASAR PEMBASMIAN KEMISKINAN= JAWATANKUASA MENKKAJI PRESTASI PELAKSANAAN DASAR PENYUSUNAN SEMULA MASYARAKAT= JAWATANKUASA BERKENAAN EKONOMI NEGARA DAN PERKEMBANGAN ANTARABANGSA DAN= JAWATANKUASA PEMBANGUNAN SUMBER TENAGA MANUSIA - TELAH MENGEMUKAKAN LAPORAN MASING-MASING KEPADA SIDANG PLENO.

PERBICANGAN KE ATAS LAPORAN-LAPORAN JAWATANKUASA ITU TELAH SELESAI KECUALI LAPORAN JAWATANKUASA PEMBANGUNAN SUMBER TENAGA MANUSIA YANG AKAN DITERUSKAN DALAM SIDANG PLENO AKAN DATANG.

JAWATANKUASA PERPADUAN NEGARA YANG DITUBUHKAN KHAS UNTUK MENKKAJI KESAN PELAKSANAAN DASAR EKONOMI BARU (DEB) TERHADAP MATLAMAT PERPADUAN NEGARA TELAH MENYIAPKAN LAPORANNYA DAN IA AKAN DIBENTANGKAN UNTUK PERBINCANGAN PADA SIDANG PLENO AKAN DATANG, KATANYA.

MAPEN DIJANGKA MULA MEMBINCANGKAN LAPORAN PENUH SELEPAS SIDANG PLENO ITU, TAMBAHNYA. -- BERNAMA.

1759MST 27 12 89